

22 JUN 2002

LEAD Mahathir-Jawatan

DR MAHATHIR TARIK BALIK PELETAKAN JAWATAN

KUALA LUMPUR, 22 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini bersetuju untuk terus memimpin Umno kira-kira sejam selepas beliau mengumumkan keputusannya untuk meletakkan jawatan Presiden parti.

Perdana Menteri membuat pengumuman peletakan jawatannya itu semasa menggulung perbahasan di hari terakhir Perhimpunan Agung Umno ke-56 di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini, petang ini.

Sebaik sahaja pengumuman itu dibuat, anggota-anggota Majlis Tertinggi Umno yang diketuai Timbalan Presiden Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bergegas menuju ke Dr Mahathir mendesak supaya beliau menarik balik keputusan itu.

Pengerusi Tetap Umno Tun Sulaiman Ninam Shah terpaksa menanggungkan persidangan selama kira-kira 45 minit untuk menenangkan keadaan sementara usaha memujuk Dr Mahathir diteruskan.

Keputusan Dr Mahathir menarik balik peletakan jawatan beliau diumumkan oleh Abdullah pada pukul 7 malam, selepas anggota MT berjaya memujuk Dr Mahathir menimbang semula keputusannya.

Sebelum itu, Pengerusi Tetap Tun Sulaiman Ninam Shah pada pukul 6.15 petang mengumumkan perhimpunan ditangguhkan sementara apabila keadaan dalam Dewan Merdeka, PWTC tempat perhimpunan itu berlangsung menjadi tidak terkawal apabila anggota MT mengerumuni Dr Mahathir sementara anggota perwakilan terkejut dan emosional mendengar pengumuman Dr Mahathir yang dibuat pada kira-kira pukul 6 petang.

Pengumuman Abdullah itu disambut dengan tepukan gemuruh para anggota perwakilan, anggota MT dan pemerhati yang memenuhi dewan itu untuk mengetahui kedudukan terkini.

Anggota MT Tan Sri Dr Abdul Hamid Othman membacakan doa tanda kesyukuran kerana Dr Mahathir menarik balik keputusannya itu.

Ini diikuti dengan nyanyian lagu kebangsaan "Negara Ku" dan selawat.

Terdahulu Perdana Menteri mengejutkan perhimpunan itu apabila beliau membuat pengumuman meletakkan jawatan parti.

"Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengumumkan peletakan jawatan saya sebagai Presiden Umno dan semua jawatan yang dipegang oleh saya dalam parti, meletakkan jawatan saya sebagai Pengerusi Barisan Nasional dan semua jawatan dalam Barisan Nasional," kata Dr Mahathir dalam nada sebak selepas meneguk air.

Para anggota perwakilan yang kelihatan terkejut, berteriak "No No No. Tarik Balik. Tarik Balik."

Sebaik sahaja pengumuman itu dibuat, Ketua Pergerakan Wanita Umno Datuk Seri Rafidah Aziz dan Ketua Pemuda Datuk Hishammuddin Tun Hussein diikuti oleh anggota-anggota MT lain termasuk Abdullah, terus meluru ke rostrum Dr Mahathir untuk memujuk beliau supaya menarik balik keputusannya itu.

Kedengaran Rafidah bertanya: "Why sir?" Sementara Hishammuddin pula berkata: "No. No".

Dr Mahathir menjawab: "I have decided long ago," (saya telah buat keputusan lama dah) sambil menggeleng-gelengkan kepalanya dan menahan sebak.

Keadaan di pentas itu kelihatan penuh emosional ketika itu dengan Pengerusi Tetap meminta semua di dewan itu supaya bertenang.

Dalam suasana begitu, kira-kira lapan minit kemudian, Rafidah mengumumkan usul tergepar menolak sebulat suara keputusan Dr Mahathir itu lalu disambut dengan teriakan "Setuju" daripada para anggota perwakilan.

Seminit kemudian, Abdullah berkata: "Dengan sebulat suara, saya memohon persetujuan para perwakilan untuk Datuk Seri Dr Mahathir terus memimpin parti."

"Setuju", jawab mereka serentak.

Keadaan di dewan berkenaan ketika itu penuh dengan laungan "Tarik Balik. Tarik Balik. Hidup Mahathir. Hidup Mahathir".

Ada juga sebahagian anggota perwakilan yang menyanyikan lagu Umno dan mereka terus berdiri walaupun Sulaiman berkali-kali meminta mereka duduk.

Anggota-anggota MT juga enggan balik ke tempat masing-masing dan Sulaiman menasihatkan mereka supaya bertenang agar keadaan boleh dikawal sebelum menangguhkan sementara perhimpunan itu.

Dr Mahathir dan para anggota MT kemudian memasuki sebuah bilik khas.

Menurut anggota MT Datuk Aziz Shamsuddin yang turut berada di dalam bilik itu, Dr Mahathir dipujuk oleh Abdullah dan memberitahunya bahawa semua anggota Umno mahukan beliau terus memimpin Umno.

Setelah dipujuk oleh Abdullah dan beberapa anggota MT, Dr Mahathir akhirnya bersetuju untuk menarik balik keputusan beliau.

"Kalau begitu I akur," Dr Mahathir dipetik oleh Aziz sebagai berkata.

Aziz berkata dalam pada itu beliau memanggil doktor peribadi kepada Dr Mahathir atas permintaan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali untuk memeriksa Perdana Menteri dan doktor itu mengesahkan Perdana Menteri dalam keadaan sihat.

Ditanya apa lagi yang berlaku di dalam bilik itu, Aziz berkata Dr Mahathir yang kelihatan terharu mahu menenangkan fikiran di samping isteri dan anak-anaknya.

"Dr Mahathir tidak memberi sebarang petanda bahawa beliau akan mengumumkan peletakan jawatan dalam parti pada perhimpunan ini. Tidak juga kepada anggota keluarganya," kata Aziz yang mengenali Dr Mahathir selama 27 tahun dan pernah menjadi setiausaha politiknya.

Dr Mahathir yang menerajui Umno dan BN selama 21 tahun, dalam satu wawancara khas dengan akhbar Mingguan Malaysia keluaran Ahad lepas meluahkan rasa kecewa kerana gagal mengubah sikap orang Melayu walaupun pelbagai usaha dibuat.

Aziz berkata Dr Mahathir yang enggan memasuki semula dewan, meminta Abdullah sahaja yang memaklumkan kepada perhimpunan bahawa beliau menarik semula keputusannya.

Dr Mahathir yang diiringi Dr Siti Hasmah dan keluarganya kelihatan meninggalkan PWTC untuk pulang ke rumahnya kemudian.

Sementara itu, Majlis Tertinggi mengadakan mesyuarat tergempar malam ini di ibu pejabat parti, dipercayai berkaitan dengan apa yang berlaku.

Ditanya sama ada Dr Mahathir ada menyatakan tempoh beliau sanggup terus menerajui Umno, Aziz berkata: "Tidak. Insyallah ini tidak akan berlaku lagi dan yang paling penting ialah kita telah sampaikan rayuan rakyat kepada beliau."

Kira-kira 45 minit selepas perhimpunan ditangguhkan, Abdullah memasuki semula dewan itu dan Pengerusi Tetap meminta Adullah membuat pengumuman.

"Saya telah merayu kepada Dr Mahathir supaya apa yang dikehendaki oleh rakyat dan perwakilan ialah memberi sokongan 100 peratus dan menyuruh Dr Mahathir menarik balik keputusannya.

"Perdana Menteri telah bersetuju supaya saya membuat pengumuman beliau akan terus kekal memimpin kita," katanya.

Beliau berkata Perdana Menteri ketika itu berada bersama keluarganya dan tidak mahu diganggu.

Sulaiman kemudian menangguhkan Perhimpunan Agung Umno itu selepas pengumuman Timbalan Perdana Menteri.

-- BERNAMA

ZS AZE JM RON

